

**MB Terengganu juga ditukar, kata PAS kepada Khalid Ibrahim**  
**Malaysian Insider**  
**July 9, 2014**  
**OLEH MD IZWAN**

PAS menyifatkan pertukaran mana-mana menteri besar sebagai perkara normal ketika mengulas mengenai kedudukan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai menteri besar Selangor.

Ketua Penerangan PAS Datuk Mahfuz Omar berkata ianya normal, malah menteri besar Terengganu bulan lepas juga digantikan walaupun berlaku sedikit pergelutan pada awalnya.

"Tukar menteri besar normal, malah Terengganu juga menukar menteri besar," kata Mahfuz pada sidang media di Kuala Lumpur hari ini.

Bagaimanapun, Mahfuz berkata beberapa proses perlu dilalui sebelum mencapai kata sepakat untuk menukar menteri besar.

"Jika mahu tukar Khalid, ia perlu dibuat secara konsensus," katanya.

Namun, Mahfuz menafikan PAS sudah mempunyai calon menggantikan Khalid sedangkan mereka belum mencadangkan sesiapa lagi.

"Bagaimana hendak cadangkan nama apabila kami belum cadangkan sesiapa lagi," katanya.

Desas-desus mengenai kedudukan Khalid diperkatakan kembali,

terutamanya selepas beberapa kritikan terbuka pemimpin Pakatan Rakyat (PR) terhadap cara beliau mengendalikan isu, seperti isu air, rampasan Bible berbahasa Melayu dan Iban oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan pembinaan lebuh raya Kidex kontroversi di negeri tersebut.

Khabar angin tentang peletakan jawatan Khalid juga menyebabkan wartawan terpaksa berkampung di depan Istana Selangor selepas ura-ura mengatakan beliau akan meletak jawatan.

Bagaimanapun, Khalid berkata semalam beliau tidak bimbang jika wujud usul undi tidak percaya daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PR sendiri. – 9 Julai, 2014.

- See more at:  
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mb-terengganu-juga-ditukar-kata-pas-kepada-khalid-ibrahim#sthash.Ohf4puzx.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mb-terengganu-juga-ditukar-kata-pas-kepada-khalid-ibrahim>